

PENGLIBATAN PEMODAL NEGERI-NEGERI SELAT DAN IMIGRAN CINA DALAM AKTIVITI PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH DI LUKUT, 1824-1864

*(THE INVOLVEMENT OF STRAITS STATE CAPITALS AND CHINESE
IMMIGRANTS IN TIN MINING ACTIVITIES IN LUKUT,
1824-1864)*

Nur Hafizah Bt. Md. Hamzah & Adnan Jusoh

Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk membincangkan tentang penglibatan pemodal Negeri-Negeri Selat dan imigran Cina dalam aktiviti perlombongan di Lukut dari tahun 1824 sehingga 1864. Sejarah awal menunjukkan bahawa sebelum tahun 1880 lagi Lukut diperintah oleh Kesultanan Selangor. Lukut kemudiannya menjadi tumpuan pemodal dari Negeri-negeri Selat, pemodal Belanda, pedagang luar untuk terlibat dalam aktiviti perlombongan bijih timah. Ekoran itu pada tahun 1820-an kegiatan bijih timah telah menyumbang hasil yang lumayan kepada negeri Selangor. Perkembangan ini secara tidak langsung juga turut menjadi tumpuan imigran Cina untuk terlibat dalam aktiviti perlombongan bijih timah di Lukut. Penulisan artikel ini menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk sumber primer dari Arkib Negara Malaysia, sementara sumber sekunder pula diperoleh dengan merujuk buku dan jurnal di Perpustakaan Negara Malaysia (Kuala Lumpur), Perbadanan Perpustakaan Awam (Shah Alam), Perpustakaan Tun Seri Lanang (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan Perpustakaan Tuanku Bainun (Universiti Pendidikan Sultan Idris). Hasil kajian mendapati penglibatan pemodal Negeri-negeri Selat menjadi pemangkin dalam menjana perekonomian Lukut khususnya melalui sektor perlombongan. Di samping itu, kehadiran imigran Cina membabitkan diri dalam sektor perlombongan secara tidak langsung juga turut sama membantu untuk memajukan serta menjadikan Lukut bertaraf bandar. Kesimpulan, kekayaan bijih timah telah mendorong penglibatan pemodal dari Negeri-negeri Selat dan juga kedatangan imigran Cina untuk terlibat dalam aktiviti perlombongan di Lukut. Walaupun muncul sebagai lokasi yang maju dalam ekonomi berasaskan perlombongan, namun kehadiran imigran Cina di Lukut juga turut menimbulkan pelbagai kesan dan konflik.

Kata kunci: Pemodal Negeri-negeri Selat, pentadbiran, imigran Cina, bijih timah, perlombongan

Abstract

This article aims to discuss the involvement of Straits Settlements capitalists and Chinese immigrants in mining activities in Lukut from 1824 to 1864. Early history shows that before 1880 again Lukut was ruled by the Sultanate of Selangor. Lukut then became the focus of capitalists from the Straits Settlements, Dutch capitalists, foreign traders to engage in tin mining activities. As a result, in the 1820s, tin mining activities contributed

lucrative revenue to the state of Selangor. This development is also indirectly the focus of Chinese immigrants to be involved in tin mining activities in Lukut. The writing of this article uses a qualitative method by referring to primary sources from the National Archives of Malaysia, while secondary sources are obtained by referring to books and journals in the National Library of Malaysia (Kuala Lumpur), Public Library Corporation (Shah Alam), Tun Seri Lanang Library (Universiti Kebangsaan Malaysia) and Tuanku Bainun Library (Sultan Idris University of Education). The results of the study found that the involvement of investors from the Straits Settlements is a catalyst in generating Lukut's economy, especially through the mining sector. In addition, the presence of Chinese immigrants involved in the mining sector indirectly also helps to develop and make Lukut urban. In conclusion, the wealth of tin ore has encouraged the involvement of capitalists from the Straits Settlements as well as the arrival of Chinese immigrants to be involved in the mining activities in Lukut. Despite emerging as a developed location in the mining - based economy, the presence of Chinese immigrants in Lukut also caused various effects and conflicts.

Keywords: *Investors of the Straits Settlements, administration, Chinese immigrants, tin mining, mining*

PENGENALAN

Menurut catatan sumber Cina, Lukut dikenali sebagai ‘Wên lu ku’. Walaupun suku kata pertamanya tidak dapat dijelaskan namun nama asal Lukut adalah “melukut” atau “berlukut” (Mills 1974). Sementara itu seorang sejarawan Portugis yang bernama Godinho de Eredia pula telah melukis peta pada abad ke-17 telah mencatatkan nama Lukut sebagai “Lucot”. Selain itu, terdapat juga beberapa penulisan lain dalam kalangan orientalis Barat telah mencatatkan nama Lukut sebagai ‘Lucot’, ‘Lookoot’, ‘Lucoth’ dan ‘Loekoet’. Kedudukan geografi Lukut juga sangat strategik sebagai sebuah pusat pelabuhan yang berhampiran dengan Selat Melaka iaitu kira-kira dua kilometer jaraknya. Di samping itu Lukut juga mempunyai kawasan yang berlembah serta berbukit bukau dan di sepanjang pesisiran pantainya turut ditumbuhi oleh hutan paya bakau.

Kini Lukut berada dalam mukim Port Dickson, Negeri Sembilan iaitu antara garisan lintang 2°35’ Utara, manakala garisan bujurnya 101° 52’ Timur (Rosiswandy Mohd. Salleh 2019). Lukut juga turut mempunyai beberapa bukit seperti Bukit Gajah Mati atau lebih dikenali sebagai Bukit Raja yang mempunyai ketinggian 52.4 meter di atas paras laut, Bukit Permata dengan ketinggian 68 meter di atas paras laut dan Bukit Palong setinggi 39 meter dari aras laut. Di samping itu, terdapat sungai yang mengalir bentuk muka buminya kerana ia sesuai dijadikan sebagai jalan perhubungan dengan kawasan yang berhampiran. Kesemua faktor ini menjadikan Lukut menjadi kawasan yang amat strategik untuk dijadikan kawasan petempatan. Tambahan pula, jaringan sungai tersebut telah memudahkan pengusaha lombong untuk membawa keluar bijih timah bagi memasarkan hasil mahsulnya sekitar penghujung abad ke-19 yang lalu.

LATAR BELAKANG LUKUT

Sebelum tahun 1880 Lukut terletak di bawah pemerintahan Kesultanan Selangor. Pada masa itu, Lukut sangat kaya dengan bahan mentah yang penting iaitu bijih timah sehingga ia menjadi tumpuan kepada pemodal Negeri-negeri Selat, pemodal Belanda, pedagang luar dan juga pelombong serta imigran Cina. Ekoran daripada itu Lukut telah berkembang pesat menjadi kawasan tumpuan orang luar untuk terlibat dalam sektor perlombongan sehingga terdapat pelbagai kemudahan infrastruktur turut dibina. Bijih timah dari Lukut menjadi bahan import yang terpenting di kawasan sekitar Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu. Melalui Negeri-negeri Selat, bijih timah tersebut kemudiannya diperdagangkan sebelum dieksport ke seluruh dunia.

Walau bagaimanapun, kestabilan Lukut mulai tergugat apabila timbul masalah berkaitan persempadanan. Ia berpunca masalah sempadan antara Selangor dengan Sungai Ujong yang melibatkan orang-orang Bugis yang bertapak di Selangor awal abad ke-18. Dalam tahun 1862, Dato' Kelana Sending telah menyampaikan bantahannya kepada Sultan Abdul Samad kerana Negeri Selangor telah mengambil Sungai Linggi dan Tanjung Tuan. Dato' Kelana Sending telah membuat tuntutan kerana beliau beranggapan bahawa Lukut diambil secara tidak adil. Ini kerana Lukut menjadi laluan utama bagi kegiatan perdagangan dan mengangkut hasil bijih timah. Di samping itu, kedudukan Lukut yang berhampiran dengan Sungai Linggi telah menyebabkan Dato' Kelana Sending ingin memiliki dan menguasai kawasan Lukut. Susulan itu wakil kerajaan Selangor iaitu Raja Abdullah telah mengadakan rundingan dengan Dato' Kelana Sending untuk menyelesaikan pertelingkahan sempadan tersebut. Semasa dalam rundingan itu, dengan berat hati Raja Abdullah terpaksa menyerahkan Lukut secara lisan (Colonial Secretary Office (C.S.O) Straits Settlement, No. 10/78, 24 June 1878). Namun demikian, para pembesar negeri Selangor masih lagi memerintah Lukut.

Walau bagaimanapun, masalah sempadan negeri Selangor dan Sungai Ujong timbul semula pada tahun 1866 sehingga menyebabkan Sultan Abdul Samad menyerahkan Sungai Linggi kepada Dato' Kelana Sending. Keadaan ini menyebabkan kemarahan dan pertelingkahan dalam kalangan pembesar Lukut dan Kelang sehingga menyebabkan British turut campur tangan. Perjanjian persempadanan ini telah dibuat oleh Residen Selangor iaitu B. Douglas, Residen Sungai Ujong iaitu P.J. Murray, Sultan Abdul Samad dan Dato' Kelana Sending pada 10 Februari 1878 (Colonial Secretary Office (C.S.O) Straits Settlement, No. 10/78, 24 June 1878). Surat persetujuan penyerahan Lukut kepada Sungai Ujong telah dicapai setelah rundingan tersebut dijalankan. Perjanjian persempadanan Selangor dan Sungai Ujong ini dimeterai di Singapura pada 30 Julai 1880 antara Raja Bot bin Raja Jumaat iaitu pembesar Lukut, Raja Daud bin Raja Sulaiman Ibni Almarhum Sultan Muhammad Shah iaitu Penghulu Sungai Raya dan Ulu Langkat, Tunku Klana Petra Sri Jaya, Sultan Abdul Samad dan Dato' Kelana Sending. Perjanjian ini menandakan pemisahan Lukut dari pemerintahan Kesultanan Selangor secara rasmi (Colonial Secretary Office (C.S.O) Straits Settlement, No. 10/78, 24 June 1878).

PENGLIBATAN PEMODAL NEGERI-NEGERI SELAT DAN IMIGRAN CINA DALAM AKTIVITI PERLOMBONGAN BIJAH TIMAH DI LUKUT

Kedatangan imigran Cina ke Tanah Melayu turut didorong oleh hubungan baik sejak daripada zaman Kesultanan Melayu Melaka dengan negara China lagi. Ini kerana galakan daripada kerajaan Ching yang memberikan kelonggaran kepada perpindahan rakyatnya untuk keluar negara. Dalam rekod Cina yang ditulis oleh Fei Hsin melaporkan bahawa Laksamana Cheng Ho merupakan kelompok Cina terawal yang telah sampai ke Tanah Melayu sekitar abad ke-15. Perkembangan ini juga menyebabkan terjadinya kedatangan pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina untuk datang ke Lukut (Thock Ker Pong 2005). Hal ini dapat dilihat menerusi sokongan yang diberi oleh Sultan Selangor iaitu Sultan Ibrahim Shah yang memerintah antara tahun 1778 sehingga 1826 yang mendorong kedatangan imigran tersebut. Kesannya menyebabkan berlaku pertambahan bilangan imigran Cina dan pemodal Negeri-negeri Selat di Lukut (Rosiswandy Mohd. Salleh 2019). Tambahan pula, Sultan Ibrahim Shah sangat rapat dengan pedagang Inggeris sehingga dapat membantu mengukuhkan kuasa baginda sebagai pemerintah Selangor. Ekoran daripada kegemilangan pentadbiran Sultan Ibrahim Shah, maka baginda telah melantik pembesar tempatan dalam kalangan kerabatnya sebagai pembesar daerah yang bergelar 'Orang Besar-besar' untuk mentadbir Lukut iaitu Raja Hassan bin Raja Muda Nala atau lebih dikenali sebagai Raja Busu. Tugas pembesar Lukut adalah menguruskan aktiviti perlombongan bijah timah kerana ia mendatangkan hasil yang sangat lumayan sehingga turut mempengaruhi kehadiran pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina. Raja Busu telah meneroka kawasan Lukut sekitar tahun 1815 lagi dan aktiviti perlombongan bijah timah kemudiannya menjadi semakin berkembang dan sangat aktif. Walaupun, Lukut di bawah naungan Kesultanan Selangor, hasil bijah timah adalah menjadi milik Raja Busu sepenuhnya. Raja Busu tidak perlu membayar cukai kepada Sultan Selangor. Seterusnya, kegemilangan Lukut dapat dilihat pada awal abad ke-19 hasil daripada pentadbiran pembesar kedua yang dilantik iaitu semasa pemerintahan Raja Jumaat bin Raja Jaafar. Lama-kelamaan Lukut menjadi

sebuah kawasan petempatan bertaraf bandar yang turut dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur moden pada abad ke-19 hingga tahun 1870-an.

Sultan Ibrahim Shah adalah orang yang bertanggungjawab dalam pembukaan Lukut bagi tujuan perlombongan bijih timah pada awal tahun 1810-an (Ahmad Farhan Abdullah@ Zakaria, 2012). Selain itu, Sultan Ibrahim Shah juga telah menyambut kedatangan imigran Cina dengan layanan yang baik bertujuan untuk melancarkan aktiviti perlombongan bijih timah. Baginda juga telah memilih pengurus daripada kalangan kapitan Cina untuk menjaga dan mengawal imigran Cina agar tidak menimbulkan sebarang kekacauan. Pada tahun 1815, Lukut mempunyai 1,000 orang penduduk dan 200 daripadanya adalah terdiri daripada pelombong Cina. Menurut Anderson,

“has lately become a great place for tin. There are about 1000 inhabitants up this River, of which 200 are Chinese, who work the Mines, and the Settlement is under charge of a China Captain, appointed by the King of Selangor”

(Ahmad Farhan Abdullah@ Zakaria 2012)

Pada tahun 1815, Sultan Ibrahim Shah telah melantik anak saudaranya yang merupakan kerabat diraja Selangor iaitu Raja Hassan bin Raja Muda Nala ibni Sultan Salehuddin atau lebih dikenali Raja Busu sebagai pembesar di Lukut. Dalam budaya politik Melayu tradisional, sultan akan melantik kerabatnya bagi mengurus dan menjaga kawasan yang mempunyai potensi ekonomi. Pengikut Raja Busu berasal dari Sungai Selangor dan Kedah terdiri daripada orang Melayu, di mana mereka juga turut membina petempatan di Lukut (Gammans 1924). Pada tahun 1818, penduduk Lukut adalah seramai 1,000 orang dan satu perlima merupakan imigran Cina.

Pada 22 Ogos 1818, SHTI yang diwakili oleh Walter Sewell Cracroft telah menandatangani perjanjian perdagangan dengan Sultan Ibrahim Shah (Straits Settlement Records, F1, 22 Ogos 1818). Pada tahun 1819, British menduduki Singapura manakala Melaka pula telah diambil alih oleh Belanda pada tahun 1824. Ekoran daripada perkembangan ini kedatangan imigran Cina untuk terlibat dalam sektor perlombongan menjadi lebih giat lagi. Kemasukan imigran Cina ke Tanah Melayu berlaku secara besar-besaran sekitar awal abad ke-19. Menurut Victor Purcell, imigran Cina yang datang terdiri daripada suku Kantonis, Hokkien, Teo-Chiu, Kwong Sai, Hailam dan sebagainya (Victor Purcell 1997). Sementara menurut Khoo Kay Kim, pemodal Negeri-negeri Selat yang berasal daripada suku Hokkien bermastautin di kawasan pelabuhan penting terutamanya di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang, manakala golongan Hakka merupakan pelombong di kawasan bijih timah di Lukut (Khoo Kay Kim 1971).

Golongan imigran Cina yang datang ke Lukut adalah dari keturunan Hailam dan Hokkien. Keturunan Hailam menjalankan perniagaan kedai kopi dan judi, manakala Hokkien pula menguruskan perniagaan pajak gadai (Zulkapli Haji Othman & Mohd Khalid Yasin 1994). Kebanyakan golongan ini adalah berasal dari wilayah Kwangtung, Fuchien dan Kwangsi (Khoo Kay Kim 1971). Di samping itu, golongan ini turut sama terlibat menjadi buruh secara besar-besaran di kawasan perlombongan bijih timah yang dimiliki oleh saudagar Cina dan Eropah. Antara imigran Cina yang menjadi perintis dalam mengusahakan industri bijih timah yang terawal serta mempunyai bilangan yang ramai merupakan suku Hakka dan Kheh (Thock Ker Pong 2005). Keadaan ini ternyata berlainan jika dibandingkan dengan abad ke-19, apabila terdapat perubahan ekoran kemunculan imigran Cina yang datang ke Pulau Pinang dan Singapura. Keadaan ini akhirnya menyebabkan pertambahan imigran Cina yang berkali ganda di Lukut.

Pemodal Negeri-negeri Selat telah menjadikan Lukut sebagai sebuah pusat perlombongan bijih timah yang terpenting di Selangor semasa di bawah pemerintahan Sultan Ibrahim Shah. Keadaan ini turut mendorong kedatangan pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina terutamanya dari Melaka membawa pengikut dan tenaga buruh yang ramai untuk terlibat dalam perlombongan bijih timah di Lukut. Impaknya, terdapat banyak petempatan baru yang telah diteroka dan muncul di sekitar Lukut. Hal ini kerana, pemodal Negeri-negeri Selat turut sama diberikan kebenaran untuk menjalankan aktiviti perlombongan bijih timah.

Pada tahun 17 Mac 1824, British dan Belanda telah menandatangani perjanjian London atau dikenali sebagai Perjanjian British-Belanda. Walaupun, perjanjian ini melibatkan penyerahan negeri Melaka dari Belanda kepada British dan tidak menyebut mengenai Selangor secara rasminya, perkara ini secara jelas sangat difahami oleh Belanda. Menurut perjanjian tersebut Belanda tiada hak ke atas sebarang usaha penguasaan ekonomi dan politik terhadap Selangor. Keadaan ini telah menyebabkan British melantik pegawainya iaitu John Anderson pada 10 Ogos 1825 untuk menandatangani perjanjian dengan Sultan Ibrahim Shah bagi menyelesaikan perselisihan antara Kerajaan Selangor dengan Kerajaan Perak. Melalui perjanjian ini, British dapat memastikan tiada sebarang kuasa asing bertapak di Selangor (Mardiana Nordin 2005). Atas dasar monopoli ekonomi yang diamalkan oleh British terutamanya dalam perlombongan bijih timah, British telah membawa masuk tenaga buruh dari luar. Ini kerana berlakunya desakan dan permintaan yang tinggi ekoran perkembangan ekonomi yang berlaku terutamanya imigran Cina dalam kalangan wanita. Dengan kemasukan imigran Cina dalam kalangan wanita ia dapat mengatasi masalah ketidakseimbangan jantina (Nurul Asnida Abu Bakar 2007). Di samping itu, Raja Busu juga turut sama bergiat secara aktif dalam mewujudkan peluang pekerjaan kepada imigran Cina terutamanya dari Melaka. Keadaan ini telah menyebabkan perkembangan imigran Cina untuk mengusahakan lombong bijih timah di Lukut sangat drastik. Misalnya pada tahun 1824 imigran Cina adalah seramai 200 orang, tetapi jumlah ini telah meningkat kepada 400 orang pada tahun 1834. Kesan pertambahan pelombong Cina ini turut mewujudkan perubahan petempatan bercirikan kehidupan imigran Cina di sekitar Lukut.

Pada tahun 1826, Negeri-negeri Selat telah dibentuk bagi memantapkan pentadbiran British di Tanah Melayu. Ia sekali gus menjadi pendorong kepada kedatangan pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina ke Tanah Melayu dengan lebih rancak lagi. Perkembangan ini mendorong kedatangan pemodal dari Negeri-negeri Selat yang menjadikan Lukut sebagai tapak pelaburan kegiatan bijih timah (Amarjit Kaur 1985). Pada mulanya, pemodal Negeri-negeri Selat ini telah memberikan pinjaman beras, candu dan wang kepada pembesar Selangor bagi menguruskan aktiviti perlombongan. Sebagai pertukaran pembesar Melayu pula akan membekalkan imigran Cina ke kawasan perlombongan untuk diusahakan oleh mereka (Amarjit Kaur 1985). Imigran Cina juga turut dibenarkan untuk mengeksport bijih timah yang sedang mereka usahakan mengikut peraturan yang telah dipersetujui antara pelombong Cina dengan pembesar Melayu. Tambahan pula, pemodal juga turut sama memberikan pinjaman duit kepada imigran Cina dan mereka juga turut akan membayar kepada pembesar Melayu apabila mendapat hasil jualan bijih timah tersebut.

Menjelang 1830-an, bijih timah yang dikeluarkan dari Lukut berjumlah 3,600 pikul setahun iaitu sebanyak 16.4 peratus. Hasil keluaran bijih timah memberikan keuntungan yang lumayan kepada Lukut. Ini kerana Lukut turut menjadi penyumbang utama kepada hasil perlombongan bijih timah bagi negeri Selangor. Keadaan ini telah menyebabkan Raja Busu mengenakan pelbagai peraturan. Antaranya adalah penetapan kebenaran serta keizinan terhadap pengusaha lombong bijih timah sekiranya ingin membuka kawasan perlombongan bijih timah. Dalam erti kata lain pengusaha lombong bijih timah perlu mendapatkan kebenaran daripada Raja Busu terlebih dahulu (Rosiswandy Mohd. Salleh 2019). Ketetapan ini dibuat kerana imigran Cina sering berebut kawasan perlombongan sesama mereka. Kesan daripada ketetapan ini Lukut berada dalam keadaan yang aman dan stabil. Oleh itu, pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina telah bermigrasi dari Melaka ke Lukut untuk terlibat dalam aktiviti perlombongan bijih timah. Selain itu, Raja Busu juga telah menggunakan tenaga buruh dari imigran Cina sebagai pelombong bagi mengusahakan lombong bijih timah miliknya. Keadaan ini turut menjadi asas kepada peningkatan cukai yang dikenakan oleh Raja Busu iaitu kenaikan cukai sebanyak 10 peratus ke atas setiap hasil yang di eksport dari Lukut. Ia bertujuan untuk membangunkan serta memajukan kawasan Lukut (Buyong Adil 2019 (Edisi Semakan). Walau bagaimanapun peningkatan cukai ini juga tidak diterima baik dalam kalangan pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina.

Sultan Muhammad Shah iaitu Sultan Selangor ketiga telah memerintah Selangor antara tahun 1826 hingga 1857 (Abdullah Zakaria Ghazali 1999). Pemerintahan Sultan Muhammad Shah tidak seperti ayahandanya iaitu almarhum Sultan Sulaiman. Pada tahun 1836, Sultan Muhammad Shah telah melawat Lukut dari Kuala Selangor bersama-sama dengan beberapa orang pengawal. Baginda telah mengisytiharkan Lukut sebagai sebahagian daripada kekuasaan Kesultanan Selangor. Selepas

titah Sultan Muhammad Shah orang Melayu telah kembali menetap di Lukut dan menjalankan kegiatan melombong bijih timah. Atas kewibawaan Raja Jumaat bin Raja Jaafar dalam mengusahakan lombong bijih timah di Lukut, Sultan Muhammad Shah telah melantik Raja Jumaat sebagai wakil baginda di Lukut. Raja Jumaat merupakan anak sulung kepada Raja Jaafar. Raja Jumaat tidak hanya menjadi pemerintah untuk mentadbir Lukut tetapi beliau turut membawa kemajuan dan pemodenan di Lukut.

Seterusnya, dalam perjalanan Sultan Muhammad Shah ke Melaka, baginda telah di tahan oleh sekumpulan pemiutang iaitu pemodal Negeri-negeri Selat yang menuntut hutang berjumlah \$169,000 (C.O. 273/98). Raja Jumaat telah berbesar hati membantu Sultan Muhammad Shah menjelaskan hutang tersebut kepada pemiutang. Maka pada tahun 1836, Sultan Muhammad Shah telah memberikan kuasa kepada Raja Jumaat untuk memerintah Lukut serta memungut hasil cukai di Lukut. Di samping itu, Raja Jumaat dilantik menjadi Penasihat Keluarga Kesultanan Selangor dan digelar sebagai Raja Tua. Malah, Raja Jumaat juga turut mengahwini dengan puteri Sultan Muhammad Shah iaitu Tengku Senai binti Sultan Muhammad Shah. Semasa pentadbiran Raja Jumaat kewibawaannya kian terserlah. Baginda telah membawa kegemilangan Lukut pada abad ke-19 iaitu sekitar tahun 1839 sehingga 1864. Hal ini kerana Raja Jumaat bukan sahaja membangunkan Lukut sebaliknya memajukan industri perlombongan bijih timah di Lukut. Di samping itu Raja Jumaat juga telah mengubah landskap Lukut sehingga menjadi sebuah petempatan berkonsepkan bandar. Malahan di bawah pentadbiran Raja Jumaat, Lukut turut menjadi sebuah negeri contoh. Tambahan pula, sekitar tahun 1857 hingga 1858 putera kepada Raja Jumaat iaitu Raja Bot telah dijaga dan dipelihara oleh Kol Macpherson sebagai anak angkat (Zulkapli Haji Othman & Mohd Khalid Yasin 1994). Keadaan ini telah mendorong kepada Raja Bot untuk mendapat pendidikan di sekolah Inggeris di Melaka (C.O.273/98/3689). Kol Macpherson iaitu Residen Councillor di Melaka juga turut bertindak sebagai penasihat dan sahabat kepada Raja Jumaat (Zulkapli Haji Othman & Mohd Khalid Yasin 1994). Raja Jumaat juga turut menjalinkan hubungan yang erat dengan kerajaan Negeri-negeri Selat iaitu dengan mendermakan sebidang tanah untuk dibina sebuah rumah api. Ia bertujuan untuk menjalankan kerjasama membanteras lanun seterusnya dapat membantu menangkap pesalah yang melarikan diri di kawasan perairan Selat Melaka.



Peta 1. Lukut

Sumber: Muzium Lukut, Port Dickson

FAKTOR YANG MENDORONG KEDATANGAN PEMODAL NEGERI-NEGERI SELAT DAN IMIGRAN CINA KE LUKUT

Terdapat beberapa faktor yang mendorong kemasukan pemodal dari Negeri-negeri Selat khususnya dari Melaka dan imigran Cina, iaitu;

Kedudukan Lukut yang strategik

Topografi Lukut terdiri daripada beberapa anak sungai seperti Sungai Puchong, Sungai Tanah Merah, Sungai Jimat, Sungai Keroh, Sungai Sendayan dan Sungai Jangin telah menjadikan Lukut sebagai kawasan yang strategik dan sesuai untuk dijadikan kawasan petempatan (Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus et al. 2020). Sungai-sungai tersebut secara tidak langsung berfungsi untuk memudahkan aktiviti perdagangan dan pengeksportan bijih timah keluar dari Lukut. Semasa di bawah pentadbiran Sultan Ibrahim Shah, baginda mengamalkan dasar pro-British dan anti-Belanda (Khoo Kay Kim 1985). Ini dibuktikan ketika peperangan Selangor-Belanda 1784, pentadbiran Selangor mempunyai hubungan yang baik dengan pedagang British. Namun, Belanda sering mengikuti perkembangan hubungan Selangor dan British kerana ia turut sama memberikan kesan terhadap perjanjian kontrak bijih timah yang telah dimeterai antara Selangor dan Belanda pada tahun 1786. Perjanjian ini turut memberikan kesan terhadap kedudukan serta imej Belanda di rantau ini (Mohd Yusoff Hashim 1992). Tambahan pula, pegawai British iaitu Begbie dan Newbold telah mengatakan bahawa perlombongan bijih timah berkembang pada tahun 1824. Kedua-dua pegawai ini pernah merekodkan penulisan semasa Lukut berada di bawah pentadbiran Kesultanan Selangor. Berdasarkan pengalaman mereka, Lukut telah mencapai zaman kegemilangannya terutama dalam kegiatan perlombongan bijih timah sehingga dapat memakmurkan ekonomi masyarakat di Lukut.

Pembukaan Lukut pada awalnya disokong oleh dasar ekonomi yang diamalkan oleh Sultan Ibrahim Shah iaitu Sultan Selangor yang kedua (Straits Settlement Records, F1, 22 Ogos 1818). Selari dengan dasar ekonomi yang diamalkan ia telah menjadikan aktiviti perlombongan bijih timah sebagai sektor yang utama. Tiada sebarang halangan kemasukan pemodal dan imigran Cina dari Negeri-negeri Selat khususnya dari Melaka ke Lukut. Ini menyebabkan kehadiran pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina bertambah secara drastik sehingga merubah populasi kaum di Lukut berbanding sebelum ini. Semasa pemerintahan Sultan Ibrahim Shah, seramai 200 orang imigran Cina yang dibawa masuk ke Lukut untuk menjalankan kegiatan perlombongan bijih timah.

Hubungan Sultan Ibrahim Shah dengan Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI)

Kemasukan pemodal dari Negeri-negeri Selat khususnya dari Melaka dan imigran Cina juga disebabkan hubungan yang terjalin antara Sultan Ibrahim Shah dengan Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) di Pulau Pinang (Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus et al. 2020). Hubungan perdagangan yang baik itu telah mencipta satu ruang untuk memasarkan bijih timah dari Selangor khususnya di daerah Lukut. Perkara ini turut menjadi faktor kepada pelombong untuk mempergiatkan lagi aktiviti perlombongan bijih timah. Menjelang 22 Ogos 1818, Walter Sewell Cracroft selaku wakil SHTI telah menandatangani satu perjanjian perdagangan dengan Sultan Selangor yang kedua (Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus et al. 2020). Melalui perjanjian itu, pihak SHTI telah diberikan kebenaran untuk menguruskan perdagangan bijih timah di Selangor. Sebagai balasannya imigran Cina dari Selangor diberikan kebenaran untuk urusan perdagangan di Pulau Pinang.

Menerusi satu perjanjian yang telah dipersetujui pada 20 Ogos 1825, John Anderson telah dilantik sebagai wakil oleh pihak SHTI berkaitan jaminan terhadap pasaran bijih timah di Lukut. Berdasarkan perjanjian tersebut, SHTI telah berjanji untuk membayar dengan harga 1500 pikul pada setiap tahun dengan harga 43.00 sebahara bersamaan dengan 400 pound (Buyong Adil 2019 (Edisi Semakan). Pada masa yang sama SHTI juga kerap memberikan Sultan Ibrahim Shah pelbagai hadiah seperti senjata dan ubat bedil sebagai bayaran kepada harga bijih timah. Seterusnya, pada 31

Julai 1880, Gabenor Negeri Selat iaitu F.A. Weld telah mengadakan rundingan dengan Raja Haji Bot dan Raja Daud bin Raja Hussin yang juga merupakan anak kepada Raja Jumaat (Ahmad Farhan Abdullah@ Zakaria 2012). Hasil daripada perundingan tersebut, sebanyak \$14,000 wang tunai berserta tanah seluas 3,000 ekar dalam Lukut akan diberikan kepada Raja Haji Bot dan Raja Daud akan diberikan \$ 10,000 wang tunai (C.O.273/98/3).

Impaknya, satu jaminan terhadap pasaran bijih timah telah wujud dan ini menjadi galakkan kepada pemodal Negeri-negeri Selat dan kemasukan imigran Cina ke Lukut. Justeru semakin ramai imigran Cina yang telah membuka lombong bijih timah kerana mendapat suntikan daripada pemodal Negeri-negeri Selat. Selain itu, Lukut juga telah berfungsi sebagai sebuah kawasan petempatan dan pentadbiran yang lengkap. Keadaan ini menyebabkan lebih ramai pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina datang ekoran daripada keamanan dan kestabilan yang ada di Lukut.

Galakan daripada pemerintah Lukut

Pada tahun 1824, Raja Busu juga turut memberikan galakan kepada imigran Cina dari Melaka datang ke Lukut untuk terlibat dalam aktiviti perlombongan bijih timah. Raja Busu juga turut sama mempunyai lombong bijih timah yang dijalankan oleh imigran Cina. Ini turut menjadikan Lukut sebagai pusat pengeluaran bijih timah. Sultan Muhammad Shah juga telah menggalakkan lagi kedatangan pemodal Negeri Selat untuk melabur dalam aktiviti perlombongan bijih timah pada tahun 1836. Di samping itu, Raja Jumaat juga telah menggalakkan kemasukan imigran Cina dan pemodal Negeri-negeri Selat ke Lukut. Hal ini kerana Lukut berperanan sebagai pusat perlombongan bijih timah yang utama di Selangor.

Selain itu, pendorong utama kepada kemasukan imigran Cina dan pemodal Negeri Selat ini adalah semasa perluasan dan pemerintahan British yang berpusat di Pulau Pinang dan Singapura. Kedatangan imigran Cina dan pemodal Negeri-negeri Selat ini atas faktor ekonomi kerana di Eropah telah mengalami revolusi perindustrian. Permintaan terhadap bijih timah amat tinggi kerana ia diperlukan untuk proses pengetinan makanan (Nordin Hussin & Shakimah Che Hasbullah 2011). Di samping itu kemasukan imigran Cina juga didorong oleh faktor penolak yang mempengaruhi mereka untuk meninggalkan tanah air ekoran masalah kebuluran, desakan ekonomi dan keadaan yang tidak stabil di negara asal mereka (Thock Ker Pong 2005). Tambahan pula, mereka turut sama mendapat galakan daripada pihak British terutama pemodal dari Negeri-negeri Selat. Ini menyebabkan terjadinya penghijrahan dalam kalangan imigran Cina secara besar-besaran termasuklah ke Lukut.

Persepsi baik yang diberikan pemerintah Lukut

Hubungan yang telah lama terbina antara Kesultanan Melayu Melaka dengan kerajaan China turut memberi persepsi yang baik kepada imigran Cina mengenai Tanah Melayu. Malahan rantau ini amat popular sebagai pusat perdagangan khususnya Lukut sebagai salah satu pelabuhan yang terkenal (Buyong Adil 2019 (Edisi Semakan). Selain itu, bijih timah juga turut dijadikan sebagai hadiah daripada kalangan pembesar Selangor kepada Sultan Melaka (Amarjit Kaur 1985). Oleh itu, imigran Cina merasakan bahawa Lukut mampu menjanjikan peluang pekerjaan yang baik kepada mereka. Selanjutnya, pemodal Negeri-negeri Selat ini turut menyediakan pelbagai cara untuk menarik imigran Cina datang ke Lukut khususnya dengan menggunakan sistem tiket kredit. Melalui sistem tiket kredit ini, imigran Cina akan dibiayai oleh seorang ketua atau Kheh-tau. Terdapat juga orang tengah yang berperanan untuk merekrut orang tempatan di China dan kemudiannya dibawa ke pelabuhan. Setiap imigran Cina yang berjaya dibawa akan dibayar satu ganjaran yang berupa wang. Selain itu, imigran Cina ini turut dikenali sebagai Sin Kheh dan telah diletakkan di bawah penyeliaan agensi buruh. Mereka ini akan terikat dengan sebuah perjanjian di mana mereka terpaksa bekerja untuk satu tempoh yang telah ditetapkan sehingga akhirnya hutang mereka langkai.

Selanjutnya, Raja Jumaat juga turut mempunyai hubungan yang baik serta kerjasama dengan pemodal Negeri-negeri Selat. Raja Jumaat juga turut mendapat kepercayaan daripada pemodal Negeri-negeri Selat khususnya mereka yang berpusat di Melaka. Ini kerana pemodal Negeri-negeri

Selat ini sangat berpengaruh untuk menjalankan penanaman buah pala serta menguruskan cawangan syarikat Leack Chin Seng (Mohamad Amin Hassan 2012). Pemodal Negeri-negeri Selat juga banyak menyumbangkan bakti dalam memajukan serta memodenkan Lukut sehingga menjadi bandar ialah Chee Yam Chuan. Melalui hubungan yang erat ini, Chee Yam Chuan telah menjadikan Raja Bot iaitu putera Raja Jumaat sebagai anak angkatnya. Di samping itu, Chee Yam Chuan juga turut mengajar Raja Bot mengenai selok belok perniagaan (Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus et al. 2020). Apabila imigran Cina berhijrah ke Lukut, ia turut memberi pengaruh kepada pembentukan landskap Lukut yang maju dengan kemunculan pelbagai infrastruktur.

Kelonggaran berhijrah yang diberikan oleh pemerintah Dinasti Ching

Perubahan yang ketara dalam kedatangan imigran Cina berlaku pada pertengahan abad ke-19. Hal ini berlaku kerana pemerintah Dinasti Ching telah memberikan kelonggaran kepada penduduknya untuk berhijrah sekitar tahun 1860. Perpindahan ini berlaku ekoran pemansuhan larangan migrasi penduduk (Thock Ker Pong 2005). Oleh itu, imigran Cina datang secara besar-besaran dan turut merangsang kepada kemasukan mereka ke Negeri-negeri Melayu termasuk Lukut. Dengan campur tangan kuasa British di Tanah Melayu juga kedatangan imigran Cina ini menjadi lebih aktif lagi. Selain itu imigran Cina wanita juga turut dibawa masuk menerusi Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu pada abad ke-19. Hal ini berlaku kerana wujudnya ketidakseimbangan jantina antara lelaki dan perempuan. Kedatangan golongan imigran Cina ini di awalnya adalah bertujuan sebagai memenuhi keperluan tenaga buruh yang diperlukan tetapi akhirnya telah menyebabkan mereka mula menetap. Di samping itu terdapat juga pemuda Cina ini bergiat dalam aktiviti perniagaan contohnya menjalankan perniagaan kedai runcit.

Seterusnya, kemasukan imigran Cina dan pemodal Negeri-negeri Selat ini timbul apabila berlakunya peningkatan ekonomi. Keadaan ini berlaku apabila peluang pekerjaan ditawarkan sehingga menyebabkan keperluan terhadap tenaga buruh tinggi. Oleh itu, pada abad ke-19, British telah membawa masuk imigran Cina dalam kalangan lelaki untuk bekerja di kawasan perlombongan bijih timah dan perjudian. Manakala, golongan imigran Cina dalam kalangan wanita di bawa ke rumah pelacuran untuk berkhidmat sebagai pelacur. Golongan pelacur ini terdiri daripada perempuan yang sudah berkahwin dan mempunyai anak (Nurul Asnida Abu Bakar 2007). Mereka digelar sebagai 'Mui Tsai' dan 'Chabokan' yang datang daripada kumpulan status sosial yang rendah. Tujuan kedatangan imigran Cina wanita ini adalah sebagai hiburan. Mereka juga turut diculik serta dipaksa untuk menjadi pelacur dengan diberikan gaji yang mewah. Hal ini kerana, imigran Cina ini tidak membawa isteri dan anak mereka. Ekoran daripada itu, imigran Cina ini telah dapat memenuhi tuntutan nafsu mereka dengan melanggan pelacur (Nurul Asnida Abu Bakar 2007).

KESAN KEMASUKAN PEMODAL NEGERI-NEGERI SELAT DAN IMIGRAN CINA TERHADAP PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH DI LUKUT

Secara umumnya, terdapat beberapa kesan kemasukan pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina terhadap perkembangan sektor perlombongan bijih timah di Lukut, antara adalah seperti berikut;

Kewujudan peluang perniagaan

Peningkatan pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina di Lukut telah mewujudkan peluang perniagaan. Hal ini kerana pemodal Negeri Selat dan imigran Cina telah membina petempatan yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan infrastruktur yang lengkap serta moden. Lukut pada asalnya merupakan sebuah bandar kecil yang mempunyai binaan dua buah barisan rumah kedai diperbuat daripada batu bata dan beratap genting. Kemudian Lukut telah berkembang kepada 40 buah kedai milik imigran Cina (Khoo Kay Kim 1985). Oleh itu, pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina dapat menjalankan aktiviti perniagaan seperti menguruskan kedai pajak, kedai kopi dan kedai judi. Mereka juga turut memperluaskan lagi bidang perniagaan mereka sekali gus dapat memenuhi keperluan dan kegiatan harian apabila berada di Lukut.

Selain itu, pemodal Negeri-negeri Selat juga telah menjalankan urusan niaga candu yang diimport dari Pulau Pinang. Penjualan candu ini bertujuan untuk diniagakan kepada imigran Cina (Yusoff Hassan 1983). Selain itu, mereka juga turut menjalankan kegiatan pelacuran dengan membawa masuk imigran Cina dalam kalangan wanita dari Singapura ke Lukut. Tujuannya adalah sebagai hiburan setelah penat bekerja di lombong bijih timah kerana imigran Cina ini tidak membawa keluarga semasa datang ke Lukut (Nurul Asnida Abu Bakar 2007). Sementelahan, semasa zaman kegemilangan Raja Busu, beliau cuba mengatasi masalah pelacuran ini secara besar-besaran bagi menyekat kegiatan pelacuran yang semakin berleluasa. Hal ini sebagai langkah untuk mengelakkan penyakit berjangkit seperti penyakit kelamin. Melalui pentadbiran Raja Busu, orang-orang Melayu juga telah membekalkan barangan keperluan harian kepada imigran Cina ini terutamanya dari segi barang keperluan harian seperti makanan iaitu beras, ikan, ayam dan sebagainya (Nurul Asnida Abu Bakar 2007).

Di samping itu, kapitan Cina ketiga iaitu Yap Ah Loy pernah menjadi buruh dan tukang masak kepada Chong Chong iaitu pemodal bijih timah selama tiga tahun di Lukut. Yap Ah Loy telah mengumpulkan modal bagi membina perniagaan daging khinzir di Lukut sebelum beliau berhijrah ke Kuala Lumpur. Yap Ah Loy juga turut belajar mengenai selok belok perlombongan bijih timah dengan imigran Cina di Lukut dan pemodal Negeri-negeri Selat (Ching-Hwang, Yen 1987). Hal ini adalah bertujuan untuk memenuhi pengetahuan dalam menjalankan urusan niaga pengurusan bijih timah.

Seterusnya, terdapat juga sebuah rumah besar yang dikenali sebagai rumah pajak judi di Lukut. Rumah pajak judi ini mempunyai empat pintu, keempat-empat pintu tersebut turut dikawal oleh mata-mata Melayu. Namun, orang-orang Melayu tidak dibenarkan pergi ke rumah pajak judi. Orang-orang Melayu dikenakan hukuman yang berat sekiranya ditangkap ketika bermain judi. Imigran Cina dan pemodal Negeri-negeri Selat juga perlu mengikut peraturan yang telah ditetapkan iaitu mereka tidak boleh menimbulkan kekecohan sekiranya telah kalah judi (Buyong Adil 2019 (Edisi Semakan)).

Kegemilangan Lukut

Kegemilangan Lukut dapat dilihat pada tahun 1846, semasa di bawah pentadbiran Raja Jumaat. Lukut menjadi sangat termasyhur sebagai sebuah pusat perlombongan bijih timah (Khoo Kay Kim 1985). Raja Jumaat juga sangat dihormati dan disegani oleh penduduk tempatan terutamanya pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina di Lukut (Gammans 1924). Pada tahun 1850-an kemuncak zaman kegemilangannya Lukut adalah apabila Sultan Muhammad Shah cuba untuk menjadi pengusaha lombong bijih timah. Baginda telah memohon bantuan modal daripada pemodal Negeri-negeri Selat dari Melaka. Malangnya usaha baginda menemui kegagalan. Sewaktu berada di Melaka, baginda telah ditahan oleh pemiutang sehingga menyebabkan Raja Jumaat memberikan pertolongan sebagai penjamin. Bagi membalas jasa, Raja Jumaat dilantik sebagai Ketua Lukut dan juga menantu baginda (B/SUK 295/98). Raja Jumaat juga turut menjalankan sistem baharu bagi mendapatkan sokongan daripada imigran Cina dan pemodal Negeri-negeri Selat. Raja Jumaat telah menggalakkan kedatangan pemodal Negeri-negeri Selat untuk melabur dalam pembangunan dan pemodenan di Lukut terutamanya dalam kemudahan infrastruktur. Keadaan ini dapat dilihat melalui pinjaman yang dibuat daripada pelabur yang juga merupakan pemodal Negeri-negeri Selat. Ini kerana ia bertujuan untuk dijadikan modal bagi membiayai aktiviti perlombongan bijih timah di Lukut. Oleh itu, Raja Jumaat dapat mengukuhkan hubungan baiknya dengan imigran Cina dan pemodal Negeri-negeri Selat di Lukut.

Kemajuan yang berstatus bandar di Lukut

Menurut Khoo Kay Kim, Lukut berjaya mencapai kemajuan dan berstatus bandar terutamanya sebagai kawasan petempatan terawal di Selangor. Lukut jauh lebih maju berbanding dengan bandar-bandar lain di Tanah Melayu. Keadaan ini berlaku kerana Lukut berjaya menarik kedatangan imigran Cina yang bukan hanya bertumpu dalam kegiatan perlombongan semata-mata tetapi termasuklah dalam ekonomi lain seperti perniagaan, pertanian dan sebagainya. Perkara ini dapat

dilihat semasa pentadbiran dan pemerintahan Raja Jumaat. Raja Jumaat turut membina jalan raya yang moden dengan menggunakan gaji bulanannya sebanyak \$10,000.00 (Khoo Kay Kim 1985). Menjelang tahun 1850, berlaku peningkatan kutipannya gajinya kepada \$15,000 bagi membolehkan Raja Jumaat membiayai kos pembangunan infrastruktur serta keselamatan di Lukut. Jalan raya ini telah dibina menggunakan batu yang bertambak (Gammans 1924). Di samping itu, jalan raya turut dibina oleh banduan bagi memudahkan pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina untuk menguruskan hasil bijih timah ke kawasan pelabuhan. Ini kerana pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina menggunakan pengangkutan untuk mengangkat hasil bijih timah dengan menggunakan kereta lembu. Oleh itu, jalan raya ini akan memudahkan pergerakan kereta lembu tersebut supaya bergerak dengan lancar kerana kawasan kota tersebut berada di puncak bukit. Menurut Gammans,

“Negeri Lukut itu jauh benar eloknyanya daripada Selangor, bahkan boleh disamakannya dengan daerah yang mempunyai orang Eropah. Namun, yang lebih ganjilnya ialah keadaan yang seperti itu dijumpai di tengah-tengah hutan belantara. Sesiapa pun akan suka untuk melihatkannya kerana di tempat yang tidak disangka sebegitu, terdapatnya kemajuan dalam tamadun. Jalan raya, ditambak dengan batu dan dalam keadaan yang baik. Kedai-kedai Cina juga ada di dalam pekan Lukut itu turut sama diperbuat daripada batu-bata dan beratap genting serta bersih. Gudang di tepi sungai Lukut itu besar-besar. Negeri itu turut mewah dan penduduknya hidup dalam keadaan yang aman dan harmoni”

(Gammans 1924)

Kegemilangan Lukut dapat dilihat apabila Raja Jumaat telah menerajui pentadbiran Lukut sehingga disukai oleh imigran Cina kerana telah menimbulkan keselesaan kepada para penduduk (Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus et al. 2020). Raja Jumaat telah membuat pembangunan dengan mengubah landskap Lukut sehingga menjadi sebuah bandar yang kompleks (Gammans 1924). Keadaan ini akan menjadi tarikan kepada kedatangan pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina untuk terus menetap di Lukut. Menjelang tahun 1856, Raja Jumaat juga turut membina masjid untuk masyarakat Islam menunaikan solat (Rosiswandy Mohd. Salleh 2019). Lokasi masjid itu terletak di tempat yang strategik iaitu berdekatan dengan Sungai Lukut dan Pekan Lukut.

Selanjutnya, pembentukan pelan infrastruktur di Lukut banyak dipengaruhi dari Melaka. Ia berkonsepkan idea dari Belanda yang mempunyai persamaan dengan Negeri-negeri Selat (Nordin Hussin 2007). Imigran Cina dan pemodal Negeri-negeri Selat lebih memilih untuk tinggal bermastautin dan bekerja di kawasan bandar. Keadaan ini dapat dilihat semasa Melaka ditawan oleh Belanda. Pada tahun 1860-an pemodal Negeri-negeri Selat di Melaka telah terlibat sama dalam kegiatan hartanah dan pembinaan. Misalnya, Yeo Hood Ing terlibat dengan sektor pembinaan rumah di Singapura, manakala See Boon Tiong telah menjalankan aktiviti pelaburan untuk membeli rumah. Hal ini kerana imigran Cina dan pemodal Negeri-negeri Selat yang datang ke Lukut datangnya dari Melaka. Justeru, kebanyakan idea dan konsep pembinaan petempatan disesuaikan dan dibawa dari Melaka (Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus et al. 2020). Misalnya, reka bentuk rumah mempunyai dua tingkat yang menggunakan batu bata manakala bumbung rumah diperbuat daripada atap genting yang kukuh serta menarik dan mempunyai 40 buah tiang asas. Selain itu, tiang-tiang rumah ini juga berbentuk roman dan mempunyai alas tiang yang berukir seberat 200 kilogram (Mohamad Amin Hassan 1967).

Penubuhan pejabat pentadbiran di Lukut

Raja Jumaat juga menubuhkan pejabat pentadbiran yang bercorak moden. Kediaman Raja Jumaat turut dijadikan sebagai pejabat rasmi, menjadi tempat simpanan bijih timah dan sebagai simbol sebuah institusi pentadbirannya. Kebijaksanaan Raja Jumaat dapat dilihat apabila beliau membina rumah kastam di tebing Sungai Lukut. Rumah kastam ini berfungsi sebagai tempat untuk menjalankan pemeriksaan barangan, komoditi lain dan juga dijadikan sebagai stor simpanan bijih timah. Kerani kastam telah dilantik bagi menjalankan tugas untuk memungut dan mengira cukai ke atas barang dagangan yang dieksport dan diimport ke Lukut (Rosiswandy Mohd. Salleh 2019). Raja

Jumaat turut sama menubuhkan sebuah pejabat kastam supaya setiap barangan yang dibawa keluar dari Lukut dapat dinilai kadar cukainya secara lebih adil.

Seterusnya, Raja Jumaat mengenakan syarat kepada pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina supaya mendapatkan kebenarannya terlebih dahulu sekiranya ingin mengusahakan lombong bijih timah. Hal ini kerana mereka sering merebut kawasan lombong bijih timah. (Buyong Adil 2019 (Edisi Semakan). Tujuannya supaya Raja Jumaat boleh mengenal pasti jumlah lombong bijih timah bagi mengutip cukai terhadap setiap pengeluaran hasilnya. Di samping itu, candu dan beras yang diimport juga turut dikenakan cukai. Hal ini kerana candu mendapat permintaan yang sangat tinggi dalam kalangan imigran Cina dan pemodal Negeri-negeri Selat. Cukai yang dikenakan adalah sebanyak \$2 sebola manakala \$4 sekoyan beras. Raja Jumaat telah membina pejabat pos bagi memudahkan urusan kegiatan harian penduduk di Lukut terutamanya bagi pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina.

Kemunculan pelabuhan di Sungai Lukut

Sungai Lukut yang luas dan berhampiran dengan Selat Melaka telah menjadikan Lukut sebagai sebuah pusat pelabuhan utama. Pelabuhan Sungai Lukut mampu menampung kapal-kapal besar bagi pemodal Negeri-negeri Selat dan Barat (Gammans 1924). Kawasan Lukut yang sesuai untuk dijadikan sebagai sebuah pusat pelabuhan persinggahan turut didatangi oleh pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina yang menaiki perahu dan tongkang dari pelbagai tempat untuk mereka berlabuh di Lukut. Hal ini kerana pelabuhan di Sungai Lukut turut dilengkapi kemudahan infrastruktur sehingga memberi keselesaan kepada pemodal Negeri Selat, imigran Cina dan pedagang yang singgah di pelabuhan Sungai Lukut. Mereka turut dapat berlindung daripada tiupan angin monsun sebelum meneruskan perjalanan mahupun menjalankan kegiatan perdagangan dengan penduduk tempatan di Lukut.

Pelabuhan Sungai Lukut turut dilengkapi dengan kemudahan gudang yang besar di sekeliling Sungai Lukut. Hal ini bertujuan bagi memastikan kegiatan perdagangan dapat dijalankan dengan lancar seterusnya dapat memudahkan pemunggaan barangan dalam kalangan pemodal Negeri-negeri Selat, imigran Cina dan pedagang. Selain itu, pelabuhan Lukut dapat menyimpan barangan dagangan dengan selamat. Kedudukannya menjadi tumpuan kepada kehadiran pedagang, pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina (Rosiswandy Mohd. Salleh 2019). Ini sekali gus dapat mengembangkan lagi sumber ekonomi di Lukut kerana barang dagangan Lukut seperti bijih timah dan barangan lain seperti candu, garam, kain sarung Bugis dan tembakau juga diimport. Sementara itu, barangan yang dieksport adalah seperti bijih timah, kopi, kain belacu dan gandum. Kegiatan perdagangan ini dijalankan di sekitar kawasan pelabuhan Sungai Lukut.

Selain itu, terdapat juga pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina singgah di Lukut, mereka menyimpan barangan bijih timah di gudang-gudang tersebut sebelum dieksport ke Negeri-negeri Selat (Buyong Adil 2019 (Edisi Semakan). Keadaan ini telah menjadikan pelabuhan Sungai Lukut berkembang maju. Pelabuhan Lukut juga sangat dikenali dalam kalangan pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina.

Pembentukan pasukan keselamatan dan benteng pertahanan di Lukut

Raja Jumaat sangat mengambil berat tentang soal keselamatan di Lukut. Dari aspek keselamatan, ia setanding dengan sistem yang diamalkan di Eropah. Raja Jumaat juga mengambil iktibar daripada peristiwa bersejarah yang menimpa Raja Busu supaya tidak berulang kembali. Kestabilan dan keamanan yang dilakukan oleh Raja Jumaat telah menyebabkan pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina amat tertarik dengan kemudahan infrastruktur yang disediakan. Ini dapat dilihat apabila pasukan polis dan sebuah balai polis telah ditubuhkan dan seterusnya undang-undang digubal sehingga membawa kepada kemajuan Lukut (Rosiswandy Mohd. Salleh 2019). Ciri-ciri balai polis Lukut adalah sama seperti balai polis di Melaka. Begitu juga dengan pasukan polis yang selaras dengan kerjasama antara Raja Jumaat dengan pegawai British di Melaka. Hal ini kerana Raja Jumaat ingin membanteras kegiatan jenayah dan mewujudkan keamanan sekali gus dapat meningkatkan

kegiatan ekonomi di Lukut. Perkara ini membuatkan imigran Cina dan pemodal Negeri-negeri Selat akan berasa selamat dan dapat mengelakkan mereka keluar dari Lukut. Selain itu, Raja Jumaat juga turut menubuhkan sepasukan polis berpakaian seragam pada tahun 1850 sama seperti pasukan keselamatan di Melaka atau dikenali sebagai 'mata-mata'. Mereka terdiri kalangan orang Melayu di Lukut bagi mengawal keamanan dan kedaulatan Lukut (Buyong Adil 2019 (Edisi Semakan).

Raja Jumaat telah menempatkan beberapa polis merangkap mata-mata di bangunan penting seperti bandar, bangunan kastam, termasuk sebuah pusat perjudian yang dikhususkan untuk imigran Cina dan pemodal Negeri-negeri Selat (Gammans 1924). Dengan penubuhan pasukan polis ini ia merupakan perubahan dalam pentadbiran dalam kalangan pembesar Melayu. Oleh itu, dengan adanya kawalan, maka pusat perjudian itu berada dalam keadaan terkawal. Seterusnya, penubuhan mahkamah turut ditubuhkan bagi mengadili masalah jenayah serta mengelakkan perbalahan dalam kalangan penduduk.

Penggubalan Undang-undang di Lukut

Raja Jumaat juga telah memperkenalkan undang-undang Lukut yang merupakan gabungan antara undang-undang Islam dan Barat. Ini kerana Lukut telah menerima kedatangan imigran Cina secara besar-besaran sehingga menyebabkan berlakunya peningkatan kes jenayah (Nordin Hussin & Shakimah Che Hasbullah 2011). Raja Jumaat turut menjadikan masalah keselamatan awam di Lukut sebagai agenda yang utama bagi melindungi dan memelihara keamanan di Lukut. Tambahan pula, undang-undang tradisional ini tidak mampu membendung kadar jenayah yang kian meningkat kerana imigran Cina dan pemodal Negeri-negeri Selat yang datang ke Lukut tidak memahami undang-undang tradisional. Malah, apabila berlakunya kemasukan imigran Cina secara besar-besaran, ia turut membawa kepada kemunculan ahli kongsi gelap. Ahli kongsi gelap ini sering bertelagah untuk merebut kawasan yang berkepentingan di Lukut. Oleh itu, Raja Jumaat telah melakukan perubahan terhadap sistem perundangan yang sedia ada bagi mengatasi masalah keamanan di Lukut. Undang-undang di Lukut juga tidak terhad kepada hal ehwal jenayah dan ia merangkumi pelbagai peraturan seperti perkara berkaitan dengan perlombongan, cukai hasil, cukai perniagaan, cukai import dan eksport. Raja Jumaat juga turut menubuhkan mahkamah sebagai penguatkuasaan undang-undang dan pengadilan (C.O. 273/98). Raja Jumaat selaku pembesar telah bertindak sebagai hakim bagi menghakimi masalah yang berkaitan dengan jenayah tanpa merujuk kepada Sultan Selangor (Gammans 1924).

Pasukan polis Lukut turut diberi kuasa bagi menangkap penjenayah sebelum diadili di mahkamah yang dihakimi sendiri oleh Raja Jumaat. Ini sekali gus dapat memelihara kedaulatan dan keharmonian dalam kalangan penduduk yang terdiri daripada pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina yang tinggal di Lukut. Oleh itu, Raja Jumaat juga turut membentuk peraturan supaya rakyat lebih berdisiplin tanpa melakukan jenayah di samping dapat dijadikan sebagai teladan kepada penduduk di Lukut (B/SUK 295/98). Raja Jumaat telah menetapkan undang-undang kepada imigran Cina dan pemodal Negeri-negeri Selat untuk menjalankan kegiatan perlombongan sebagaimana mengikut peraturan undang-undang. Sekiranya, pesalah melakukan kesalahan maka mereka akan dikenakan hukuman. Misalnya, pesalah yang melakukan kesalahan kecil mereka akan dikenakan hukuman seperti membina jalan raya dan mengangkat air dari Sungai Lukut bagi memenuhkan kolah-kolah yang terdapat di sekeliling rumah Raja Jumaat.

Penggunaan peralatan perlombongan moden

Kemasukan pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina di Lukut turut memberi kesan ke atas pengeluaran bijih timah dan penggunaan teknik perlombongan bijih timah. Jika di awal perusahaan bijih timah, masyarakat Melayu hanya menggunakan teknik tradisional iaitu mendulang dan hanya mengeluarkan hasil bijih timah yang sedikit. Keadaan ini tidak dapat menampung jumlah permintaan yang tinggi di pasaran berbanding teknik perlombongan yang moden yang telah diperkenalkan oleh imigran Cina dan pemodal Negeri-negeri Selat. Dengan kedatangan imigran Cina dan pemodal Negeri-negeri Selat di Lukut maka telah berlaku perubahan terhadap penggunaan peralatan alat tradisional kepada penggunaan teknologi dan peralatan moden. Menjelang tahun

1854, Lukut berjaya mengeluarkan hasil bijih timah sebanyak 6,000 pikul (Rosiswandy Mohd. Salleh.2019).

Imigran Cina dan pemodal Negeri-negeri Selat telah menggunakan kaedah melampun atau melanda di samping menggunakan alat menapis amang dan bekas amang bijih (Rosiswandy Mohd. Salleh 2019). Kedua-duanya diperbuat daripada kayu keras yang diperbuat untuk menyimpan amang bijih yang telah diasingkan dengan bijih timah. Imigran Cina ini akan turut melakukan kerja penggalian di peringkat yang lebih dalam iaitu sedalam enam sehingga 20 kaki. Imigran Cina dan pemodal Negeri-negeri Selat ini turut mempunyai pakaian yang serba lengkap yang terdiri daripada terendak rotan berserta sepasang pakaian yang diperbuat daripada kain belacu (Rosiswandy Mohd. Salleh 2019). Bakul juga turut digunakan untuk mengangkut tanah di kawasan perlombongan. Imigran Cina ini turut menggunakan peralatan seperti mata parang, mata cangkul, mata kapak dan alat pengukur atau lebih dikenali sebagai teodolit bagi menguruskan hasil bijih timah (Rosiswandy Mohd. Salleh 2019).

Raja Busu terbunuh

Penguasaan lombong bijih timah oleh imigran Cina dan pemodal Negeri-negeri Selat turut mengalirkan modal apabila tenaga buruh yang ramai dibawa masuk ke Lukut. Kebanjiran imigran yang semakin ramai juga menyebabkan situasi di Lukut menjadi kurang stabil dengan adanya kongsi gelap dan aktiviti yang bertentangan dengan budaya masyarakat setempat. Dalam usaha memantapkan pentadbirannya, Raja Busu mengenakan cukai yang tinggi iaitu sebanyak sepuluh peratus ke atas bijih timah (Rosiswandy Mohd. Salleh 2019). Kemudian setelah industri perlombongan bijih timah ini kian maju, Raja Busu telah meningkatkan kadar cukai tersebut dari semasa ke semasa. Imigran Cina dan pemodal Negeri-negeri Selat perlu membayar kepada Raja Busu bagi setiap hasil yang dibawa keluar atau diekstrak dari Lukut. Pada September 1834, satu kejadian tragis telah berlaku apabila pemberontakan dilakukan oleh imigran Cina. Imigran Cina ini telah menyusun strategi secara rapi tanpa diketahui oleh sesiapa. Imigran Cina ini telah datang ke rumah Raja Busu dan mengepungnya. Mereka mendapati terdapat banyak bijih timah di kawasan rumah Raja Busu. Oleh itu, wujudnya perasaan cemburu dan kemarahan yang meluap-luap dalam kalangan imigran Cina ini. Akibatnya, perselisihan serta konflik antara Raja Busu dan imigran Cina telah berlaku.

Imigran Cina tersebut telah meminta Raja Busu keluar dari rumahnya dan sekiranya Raja Busu ingkar mereka mengugut untuk membakar rumah Raja Busu. Raja Busu turut tegas dengan pendiriannya untuk tidak keluar dari rumahnya. Lalu Raja Busu melaungkan “Orang Islam tidak takutkan mati, buatlah apa yang kamu suka!” (Zulkapli Haji Othman & Mohd Khalid Yasin 1994). Peristiwa ini telah melibatkan seramai 400 orang imigran Cina mengamuk lalu membakar istana milik Raja Busu. Hal ini kerana Raja Busu telah mencabar serta tidak mahu menurunkan kadar cukai tersebut kepada golongan imigran Cina ini. Keadaan ini mengakibatkan Raja Busu, keluarga serta pengikut baginda akhirnya terkorban semasa rusuhan dalam kalangan imigran Cina ini. Malahan imigran Cina ini turut merompak rumah Raja Busu. Antara hasil rompakan yang mereka peroleh adalah perhiasan dari China termasuk emas permata yang dianggarkan berharga 3,500 paun. Keadaan menjadi bertambah buruk apabila Raja Husin dari Riau juga turut ikut campur tangan. Raja Husin telah bersama-sama dengan orang Melayu Klang datang untuk membalas dendam terhadap pembunuhan Raja Busu sehingga menyebabkan hampir 1,000 imigran Cina melarikan diri ke Melaka dan meninggalkan Lukut. Walau bagaimanapun, imigran Cina ini telah ditentang oleh orang-orang Melayu yang telah bersiap sedia mengepung kawasan laluan ke luar Lukut. Dalam serangan hendap itu, terdapat juga imigran Cina yang telah dibunuh (Buyong Adil 2019 (Edisi Semakan)).

Kekosongan pemerintahan dan pentadbiran di Lukut

Kemangkatan Raja Busu telah mengakibatkan Lukut mengalami kekosongan pemerintahan. Raja Busu telah dibunuh oleh imigran Cina dan dalam tempoh ini daerah Lukut tiada pembesar yang menjalankan pentadbiran. Ekoran daripada tragedi itu, pentadbiran Lukut telah mengalami kekosongan. Perdagangan bijih timah di Lukut turut menjadi kacau bilau kerana berlaku perebutan

antara imigran Cina. Keadaan ini telah mendorong kedatangan Raja Jaafar Raja Ali dan dua orang puteranya iaitu Raja Jumaat dan Raja Abdullah yang berasal daripada keluarga Bugis-Riau untuk menguasai sektor perlombongan bijih timah pada tahun 1850. Mereka telah menghadap Sultan Muhammad Shah, Sultan Selangor yang ketiga demi mendapatkan kebenaran untuk membuka kawasan bijih timah. Walau bagaimanapun, Raja Jaafar hanyalah sekadar pengusaha kawasan perlombongan bijih timah dan bukanlah sebagai pembesar di Lukut. Sultan Muhammad Shah juga telah meninjau sendiri kawasan Lukut pada tahun 1836 untuk melihat sendiri perkembangan perusahaan perlombongan bijih timah yang telah diusahakan oleh Raja Jaafar dan dua orang puteranya. Apabila Sultan Muhammad Shah melihat perlombongan bijih timah di Lukut telah mencapai kemajuan maka baginda telah mengisytiharkan serta mewartakan Lukut berada di bawah kekuasaan Sultan Selangor (Zulkapli Haji Othman dan Mohd Khalid Yasin 1994).

KESIMPULAN

Keistimewaan Lukut menarik kedatangan pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina untuk menjalankan aktiviti perlombongan bijih timah. Hal ini kerana Lukut telah menjadi sebuah pusat perlombongan bijih timah yang sangat penting di negeri Selangor. Menerusi penglibatan pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina, Lukut telah mengalami perubahan yang drastik. Antaranya ialah dari segi pembangunan infrastruktur yang lengkap dan sistematik. Kedudukan Lukut yang strategik sebagai sebuah pusat pelabuhan yang berhampiran dengan Selat Melaka juga turut menempatkan gedung-gedung yang besar sebagai pusat pengumpulan barang dagangan.

Salah satu impak positif terhadap industri perlombongan di Lukut ialah pembangunan infrastruktur yang pesat. Misalnya, pembinaan jalan raya yang memudahkan pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina membawa hasil bijih timah untuk diperdagangkan. Di samping itu, terdapat juga peralatan moden yang diperkenalkan sehingga membawa kepada perkembangan ekonomi di Lukut. Bagi memastikan pemodal Negeri-negeri Selat dan imigran Cina ini terus kekal menetap di Lukut penubuhan pasukan keselamatan beruniform dan undang-undang telah dibentuk. Walau bagaimanapun, terdapat juga impak negatif selepas kedatangan imigran seperti kekacauan akibat perebutan kawasan perlombongan bijih timah oleh kongsi gelap, judi, candu dan aktiviti pelacuran.

RUJUKAN

- Abdullah Zakaria bin Ghazali. 1999. *Institusi Sejarah Negeri Selangor*. Kertas kerja Seminar Sejarah Negeri Selangor. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur
- Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria. 2012. *Sejarah Pentadbiran Lukut, 1810-an-1878: Status Entiti Politik dan Orang Besar Daerah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, Noor Ain Mat Noor dan Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli. 'Lukut, 1846-1864: Bandar terawal di Selangor?'. 2020. *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics & Strategic Studies* 47(2): 175-198.
- Amarjit Kaur. 1985. *Perkembangan ekonomi Selangor: Suatu tinjauan sejarah*. (Ed.). Adnan Hj. Nawang dan Mohd Fadzil Othman. *Selangor Sejarah dan Proses Pembangunannya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya dan Muzium Sultan Alam Shah.
- Asbol bin Haji Mail. 2004. *Perajaan Kesultanan Brunei: Konsep Dewaraja, Daulat dan Derhaka-Satu Sorotan*. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal* 5(1&2):1-16.
- Begbie, P.J. Peter James. 2007. *The Malayan Peninsula, Embracing its History, Manners and Customs of the Inhabitants, Politics, Natural History & from its Earliest Records*. National Library Board Singapore: Vepery Mission Press.
- B/SUK 295/98. *Surat Watakah daripada Sultan Abdul Samad ibni Raja Abdullah kepada Raja Jumaat bin Raja Jaafar*. 20 Mei 1861. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur
- Buyong Adil. 2019. *Sejarah Selangor Siri Sejarah Nusantara*. (Edisi Semakan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carstens, Sharon A. 1988. *From Myth to history: Yap Ah Loy and the heroic past of Chinese Malaysians*. *Journal of Southeast Asian Studies* 19(2): 185-208.
- Ching-Hwang, Yen. 1987. *Class structure and social mobility in the Chinese Community in Singapore and Malaya 1800-1911*. *Modern Asian Studies* 21(3): 417-45.

- C.O.273/98/3689, Raja Bot's Future Petition in Lukut. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur
- C.O. 273/98. Memorandum Relative to the Seed of Gift Bestowing the District of Lukut on Raja Jumaat His Heir and Successor, Executed by the late Sultan Mohamed of Selangor, 4 August 1846. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur
- Colonial Secretary Office (C.S.O) Straits Settlement, No. 10/78, 24 June 1878. Boundary Question-Sungai Ujong and Selangor. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur
- Gammans, L.D. 1924. The State of Lukut. (With Text Figures). *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 2(3) (92): 291–95.
- Jackson, N. R. 1963. Changing patterns of employment in Malayan Tin Mining. *Journal of Southeast Asian History* 4(2):105–16.
- Mills, J.V. 1974. Arab and Chinese Navigators in Malaysian Waters in about A.D. 1500. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)* XLVII(2)(226): 23.
- Khoo Kay Kim. 1971/1972. 'Latar belakang sejarah masyarakat India dan China di Tanah Melayu *Jebat* 1: 14-23.
- Khoo Kay Kim. 1984. *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagangan Terhadap Politik Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Khoo Kay Kim. 1985. Riwayat kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan. Dlm. Khoo Kay Kim, Abdullah Zakaria Ghazali, Mohamad Abu Bakar dan Adnan Haji Nawang. (Ed.). *Selangor Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Lee Yok Fee. 2014. *Identiti Cina Malaysia Elemen dan Pembentukan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mardiana Nordin. 2005. Penguasaan Barat dan reaksi. Editor Abdullah Zakaria Ghazali. *Sejarah Negeri Selangor dari Zaman Prasejarah Hingga Kemerdekaan*. Selangor: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Mohamad Amin Hassan. 1967. Raja Bot bin Raja Jumaat. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 40(2)(212): 68–93.
- Nordin Hussin & Shakimah Che Hasbullah. 2011. Pentadbiran kolonial Inggeris di Negeri-negeri Selat dan usaha membentras jenayah. *Geografia: Malayan Journal of Society and Space*: 141-154.
- Nordin Hussin. 2007. *Trade and Society in the Straits of Melaka: Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*. Singapura: National University of Singapore.
- Nurul Asnida Abu Bakar. 2007. Pelacuran di Negeri Selat. *Jurnal Sejarah* 15:1-17.
- Rosiswandy Mohd. Salleh. 2019. *Sejarah Lukut Kegemilangan Sebuah Pemerintahan Melayu Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia dan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia.
- Straits Settlement Records, F1, 22 Ogos 1818; *The Administration Report of the State of Selangor for the year 1889*.
- Thock Ker Pong. 2005. *Ketuanan Politik Melayu: Respond Masyarakat Cina*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Purcell, Victor. 1997. *Orang-orang Cina di Tanah Melayu*. (Terj. Nik Hasnaa Nik Mahmood). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Yusoff Hassan. 1983. *Jugra dalam Sejarah*. Kuala Lumpur: Tra-tra.
- Zulkapli bin Haji Othman dan Mohd Khalid b. Yasin. 1994. Sejarah Lukut. Negeri Sembilan: *Warisan Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia* 18: 29-37

Nur Hafizah Bt. Md. Hamzah
 Jabatan Sejarah
 Fakulti Sains Kemanusiaan
 Universiti Pendidikan Sultan Idris
 39500 Tanjong Malim, Perak
 E-mel: fizahamzah.nhmf@gmail.com

Adnan Jusoh, Ph.D
 Jabatan Sejarah
 Fakulti Sains Kemanusiaan
 Universiti Pendidikan Sultan Idris
 39500 Tanjong Malim, Perak
 E-mel: adnan.jusoh@fsk.upsi.edu.my

Diserahkan: 19 Januari 2022

Diterima: 2 Mac 2020

Diterbitkan: 30 Jun 2022